

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SEU412 - Teori Ekonomi Lanjutan

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA bahagian SOALAN 1 dalam BAHAGIAN A dan DUA (2) soalan dari BAHAGIAN B. Jawapan kepada SOALAN 1 hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan. Gunakan buku jawapan untuk menjawab soalan-soalan dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A [60 markah]



1. (a) Dalam Rajah 1(a), barang X adalah barang bawahan. Titik A merupakan titik keseimbangan asal. Apabila harga asal P_2 jatuh ke P_1 , perubahan penggunaan X akibat kesan penggantian adalah sebanyak 6 unit manakala perubahan penggunaan X akibat kesan pendapatan adalah sebanyak 4 unit. Lukiskan keluk puas sama dan garis belanjawan baru untuk menggambarkan kejatuhan harga tersebut. Tunjukkan titik keseimbangan baru dan labelkan kesan penggantian dan kesan pendapatan.

Dalam Rajah 1(b), lukiskan keluk permintaan biasa dan keluk permintaan terpampas Hicks. Adakah penganggaran lebihan pengguna yang diterbitkan dengan menggunakan keluk permintaan biasa bias? Jika ya, berapakah bias itu?

...2/-

[SEU 412]

Angka Giliran: _____



- (b) Jelaskan kenapakah keluk permintaan jam tangan Rolex yang dianggap sebagai barang penyombong tidak mungkin menaik atau mencerun secara positif.

[4 markah]

...3/-

[SEU 412]


Angka Giliran: _____

- (c) Andaikan gula sedang dicatu. Setiap pengguna diberikan 20 kupon secara percuma untuk membeli gula. Pada amnya, setiap pengguna menilaikan kupon-kupon yang diberikan pada satu nilai yang lebih kurang sama. Kupon itu tidak boleh dijual-beli dalam pasaran. Adakah kebajikan ekonomi meningkat apabila sistem pencatutan itu membenarkan jual-beli kupon?

[4 markah]

- (d) Kawan anda berpendapat bahawa keluk puas sama pengelak risiko adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Setujukah anda? Jelaskan.

[4 markah]




...4/-

[SEU 412]

Angka Giliran: _____

- (e) ODA dan OEA di Rajah 3 menunjukkan keluk utiliti pengguna X dan Y masing-masing. Antara pengguna X dan Y, siapakah yang lebih banyak mengelakkan risiko secara relatif? Jelaskan.

[4 markah]



Rajah 3

...5/-

[SEU 412]

Angka Giliran: _____

- (f) Katakan semua syarikat kereta memberi jaminan 5 tahun kepada pembeli kereta baru akibat persaingan yang hebat dalam industri ini. Jika kereta mempunyai masalah mekanikal dalam 5 tahun pertama, syarikat kereta akan memperbaikinya dengan percuma. Apakah masalah yang mungkin timbul daripada polisi jaminan itu?

[4 markah]

[SEU 412]


Angka Giliran: _____

- (g) Bagaimanakah bank dan syarikat kewangan mengurangkan masalah pilihan bertentangan?

[5 markah]

- (h) Encik Teeson ialah pengurus dana di Syarikat Pelaburan Daring. Portfolionya mengandungi banyak pelaburan yang berisiko tinggi. Tunjukkan keluk puas sama dan titik keseimbangan Encik Teeson pada Rajah 4. Jelaskan.

[4 markah]



...7/-

[SEU 412]

Angka Giliran: _____

- (i) Aktiviti pespekulasi dalam pasaran sentiasa mengurangkan kebajikan ekonomi. Setujukah anda?

[5 markah]

- (j) Katakan bahawa seorang pengguna ingin memaksimumkan utilitinya antara 2 tempoh masa. Fungsi utiliti penggunaannya adalah $U = C_1^{0.5} C_2$. Pendapatannya dalam tempoh masa 1 ialah $y_1 = \text{RM}2000$ dan pendapatan dijangkanya dalam tempoh masa 2 ialah $y_2 = \text{RM}1400$. Kadar faedah pasaran ialah 8%. Hitungkan C_1 dan C_2 yang memaksimumkan utilitinya. Adakah ia seorang peminjam atau pemberi pinjam?

[5 markah]

[SEU 412]


Angka Giliran: _____

- (k) Titik A dalam Rajah 5 menunjukkan keseimbangan pengguna dalam keputusannya antara masa.

Akibat kempen inflasi sifar, kadar inflasi dijangka akan jatuh dengan nyata pada tempoh masa 2. Jadi, garis belanjawan RS akan pindah ke TS. Apakah kesannya terhadap penggunaan C_1 dan C_2 ? Tunjukkan keluk puas sama baru, kesan penggantian dan kesan pendapatan dalam Rajah 5. Jelaskan.

[5 markah]

Penggunaan,
pendapatan
dalam
tempoh
masa 2



Penggunaan, pendapatan
dalam tempoh masa 1

Rajah 5

...9/-

[SEU 412]

Angka Giliran: _____

- (l) Secara ringkasnya, huraikan dua usul utama dalam model pertumbuhan dua sektor neoklasik.

[5 markah]

- (m) Andaikan dalam sebuah model pertukaran tulen, semua pekerja adalah ahli kesatuan pekerja dan semua syarikat adalah ahli persatuan majikan. Kesemua pengambilan pekerja dalam ekonomi ini dilakukan melalui perundingan antara kesatuan pekerja dan persatuan majikan. Adakah titik pertukaran dalam model ini efisien seperti yang di bawah persaingan sempurna? Jelaskan.

[5 markah]

...10/-

BAHAGIAN B [40 markah]

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan untuk Bahagian ini.

2. (a) Andaikan minyak petrol dicatukan melalui penggiliran. Semua stesyen minyak petrol hanya dibuka dari 8 pagi - 5 petang, Hari Isnin-Jumaat. Jika tiada halangan ke atas kuantiti yang boleh dibeli oleh pengguna, sanggupkah seorang pengurus eksekutif berbaris dan membeli minyak petrol? Jika ia berbaris dan membeli minyak petrol, adakah kuantiti yang dibelinya lebih atau kurang daripada kuantiti yang dibelinya di bawah keadaan yang tidak ada pencatuan? Sekiranya setiap pengguna dihadkan membeli 25 liter minyak petrol sahaja, sanggupkah ia berbaris sekarang? Dengan menggunakan satu rajah, jelaskan semua soalan tersebut.

[10 markah]

- (b) Pada amnya, mutu darah yang digunakan untuk pemindahan darah akan jatuh jika darah itu dibeli dari pasaran. Dengan perkataan lain, darah yang diperolehi daripada penderma sukarela adalah lebih bermutu tinggi dan selamat. Apakah masalah yang menimbulkan keadaan ini? Jelaskan.

[10 markah]

3. (a) Dengan menggunakan rajah-rajah yang sesuai, tunjukkan bahawa pengiraan lebihan pengguna adalah tepat jika keluk permintaan terpampas Hicks digunakan berbanding dengan keluk permintaan biasa.

[10 markah]

- (b) Timbangkan dua keadaan berikut. Dalam keadaan pertama, seorang penternak lembu telah membuat satu kontrak hadapan dengan pengusaha pemprosesan daging. Ia hanya mula menternak lembu pada Julai 1996. Dalam keadaan kedua, seorang pengilang minyak kelapa sawit memerlukan tiga bulan untuk memproseskan kelapa sawit kepada minyak. Di dalam kedua-dua keadaan itu, penternak lembu dan pengilang minyak kelapa sawit perlu melaksanakan proses lindung nilai untuk melindungi diri daripada turun-naik harga. Adakah kedua-dua proses lindung nilai itu sama?

[10 markah]

[SEU 412]

4. (a) Sejenis barang yang pada awalnya dianggap mempunyai kesan turut ramai negatif mungkin menjadi barang yang mempunyai kesan turut ramai positif selepas satu tempoh masa tertentu. Setujukah anda?

[10 markah]

- (b) Katakan seorang individu ingin memaksimumkan utilitinya antara masa.

- (i) Andaikan ia adalah seorang pemberi pinjaman. Sekiranya keanjalan permintaan terhadap C_2 adalah kosong, apakah kesannya ke atas penggunaan dan tabungannya dalam kedua-dua tempoh masa apabila pendapatannya meningkat pada tempoh masa 1?
- (ii) Andaikan ia bukan pemberi pinjam atau peminjam. Ia mempunyai pendapatan yang sama dalam kedua-dua tempoh masa. Apabila kadar faedah naik, mungkinkah ia sekarang akan menukar keadaannya dan menjadi seorang pemberi pinjaman atau peminjam?

[10 markah]

5. (a) Katakan pengguna mempunyai fungsi utiliti $U = 2XY$. Konstren belanjawannya adalah $M = P_x X + P_y Y$ di mana M , P_x dan P_y adalah masing-masing pendapatan, harga X dan harga Y .

- (i) Terbitkan fungsi permintaan X dan Y .
- (ii) Sekarang andaikan bahawa pada awalnya, pendapatan pengguna M , harga P_x dan P_y adalah masing-masing RM2000, RM10 dan RM20. Sekiranya P_x meningkat ke RM20 akibat pengenaan cukai eksais dan kerajaan memberi subsidi kepada pengguna supaya mengekalkan paras utiliti asalnya, berapakah subsidi yang diperlukan?

...12/-

[SEU 412]

- (iii) Kerajaan ingin membiayai subsidi tersebut melalui hasil cukai eksais yang dikutip. Adakah hasil cukai itu mencukupi? Jika tidak, kirakan beban berlebihan cukai itu.

[10 markah]

- (b) Seorang pengguna mempunyai fungsi utiliti $U = XY$. Pendapatannya ialah RM48, harga X dan harga Y masing-masing adalah RM4 dan RM6. Satu sistem pencatutan dilaksanakan yang memerlukan pengguna menyerahkan 3 kupon untuk membeli seunit X dan 6 kupon untuk membeli seunit Y. Pada asalnya, pengguna diberikan 54 kupon secara percuma. Di antara konstren belanjawan wang dan konstren kupon, apakah konstren yang terikat?

Sekarang katakan kupon itu boleh dijual-beli pada harga RM1 sekupon. Apakah kuantiti X dan Y yang akan memaksimumkan utilitinya? Haruskan pengguna ini menjual atau membeli kupon? Jika ya, berapakah kupon akan dijual atau dibeli olehnya?

[10 markah]

-- oo o0o oo --

